

## **Perubahan Politik Di Kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan**

*The Political Changes In The Area Of State Legislative Assembly Of Batang Kali,  
Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan*

Iqmal Hazzim Hairolnizam  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Perubahan politik yang berlaku di kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor memperlihatkan bahawa pertukaran tampuk kepimpinan daripada pemimpin dan parti Barisan Nasional (BN) kepada parti Pakatan Harapan (PH). Perubahan yang berlaku ini mengundang pelbagai persepsi daripada pengundi yang kemudiannya akan menjadi titik tolak terhadap pengekalan kuasa pemimpin dan parti yang berkuasa untuk penggal yang seterusnya di kawasan tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis perubahan politik di kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 44 peratus responden beranggapan bahawa pemimpin pada masa kini mementingkan rakyat dan juga pada masa yang sama turut mementingkan diri. Seterusnya, 66 peratus responden berpandangan bahawa parti politik pada masa kini tidak berada pada landasan yang betul. Kemudian, 64 peratus responden bersetuju bahawa dinamika politik yang berlaku mempengaruhi mereka untuk mengubah pemimpin dan parti politik pada PRU akan datang. Hasil kajian juga mendapati bahawa 84 peratus responden menjangkakan bahawa parti Perikatan Nasional (PN) yang akan memenangi Pilihan Raya Umum akan datang pada peringkat DUN Batang Kali. Kesimpulannya, kajian ini penting bagi menyelami pandangan serta persepsi masyarakat terhadap pemimpin dan parti politik, menambah data terhadap kajian politik pilihan raya dan menjadi sumber rujukan serta panduan kepada pihak yang berkaitan bagi merancang strategi pelaksanaan dasar dan gerak kerja berkesan dalam urusan politik semasa.*

**Kata kunci:** *Perubahan politik, persepsi pengundi, parti politik, pemimpin, pengekalan kuasa*

## ABSTRACT

*The political changes that took place in the Batang Kali state constituency, Hulu Selangor, Selangor shows that the change in leadership from the Barisan Nasional (BN) leader and party to the Pakatan Harapan (PH) party. These changes invite various perceptions from voters which will then be the starting point for the retention of the power of the leaders and the party in power for the next term in the constituency. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the political changes in the Batang Kali state constituency, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan. This study uses a field data collection method that involves questionnaires and field observations. Data analysis techniques were used using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 44 percent of respondents think that leaders today are selfish and at the same time selfish. Next, 66 percent of respondents are of the view that political parties are currently not on the right track. Then, 64 percent of respondents agreed that the political dynamics that took place influenced them to change leaders and political parties in the next GE. The study also found that 84 percent of respondents expected that the National Alliance (PN) party that will win the next General Election at the Batang Kali DUN level. In conclusion, this study is important to delve into the views and perceptions of society towards leaders and political parties, add data to the study of election politics and be a source of reference and guidance to relevant parties to plan policy implementation strategies and actions that effective in current political situation.*

**Key words:** *Political changes, voter's perception, political party, leader, retention of power*

## 1. Pengenalan

Umum mengetahui bahawa negeri Selangor pernah dikenali sebagai kubu kuat bagi gabungan parti politik kerajaan negara iaitu Barisan Nasional (BN) untuk beberapa penggal. Namun begitu, penguasaan Barisan Nasional di Negeri Selangor berakhir setelah kekalahan yang dihadapi mereka kepada parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) semasa Pilihan Raya Umum Malaysia (PRU) yang ke-12, 2008. Kekalahan mengejutkan ini dipercayai berpunca daripada gelombang pembangkang pada tahun 2008 yang diketuai oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Gelombang yang digerakkan ini menggunakan percaturan gabungan pelbagai parti pembangkang supaya menjadi satu parti bagi menentang Barisan Nasional. Percaturan yang dijalankan berjaya membuahkan hasil dan tanpa disangka, Selangor berjaya dirampas oleh parti pembangkang. Pengekalan kuasa di negeri Selangor ini masih berterusan sehingga kini, dibawah gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH).

Penguasaan Barisan Nasional di Hulu Selangor antara yang terbesar sehingga ia boleh dikatakan antara Parlimen yang menjadi deposit kemenangan parti tersebut di Negeri Selangor sejak PRU 1955 lagi. Dominasi ini telah bermula sejak siri PRU yang pertama pada 1955 dibawah perwakilan calon United Malayan National Organization (UMNO) yang kemudiannya diserahkan kepada Malayan Chinese Association (MCA) pada PRU-2 (1959) selama empat penggal sehingga PRU-6 (1982). Selepas itu, bermula dari PRU-7 (1986), kerusi itu ditandingi pula oleh Malaysian Indian Congress (MIC) sehinggalah PRU-14, 2018 dengan BN/MIC menguasai kawasan tersebut bermula PRU 1986 hingga PRU 2004. Rekod cemerlang BN di Parlimen Hulu Selangor mula tercalar pada PRU-12 (2008) apabila calonnya iaitu G. Palanivel tewas kepada calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Datuk Zainal Abidin Ahmad dengan

majoriti tipis sebanyak 198 undi. Namun begitu BN/MIC kembali berkuasa pada Pilihan Raya Kecil (PRK) 2010 apabila Datuk P. Kamalanathan menang menewaskan calon PKR iaitu Datuk Zaid Ibrahim, kemudian beliau berjaya menewaskan Khalid Jaafar (PKR) pada PRU-13, 2013. Namun pada PRU-14, sekali lagi BN ditewaskan dan Parlimen Hulu Selangor kini diwakili oleh calon PH/PKR iaitu June Leow.

Keadaan di DUN Batang Kali pula sedikit berbeza kerana penguasaan BN masih kukuh walaupun Kerajaan Negeri dan kerusi Parlimen Hulu Selangor telahpun dikuasai parti lawan (PKR) pada tahun 2008. BN masih mengekalkan kemenangan di DUN tersebut selama 13 penggal berturut-turut sejak PRU 1959 sehingga PRU 2013 sehinggalah buat pertama kalinya tewas kepada parti lawan iaitu PH/PPBM pada PRU yang terkini iaitu PRU-14, 2018. Pada PRU-14 tersebut, Harumaini Omar daripada Pakatan Harapan (PPBM/BERSATU) menang menewaskan Mat Nadzari Ahmad Dahlan daripada BN/UMNO dengan majoriti 8,315 undi.

Secara dasarnya, dapat dilihat bahawa jelas sekali kerajaan di Negeri Selangor khususnya DUN Batang Kali dalam Parlimen Hulu Selangor mengalami perubahan politik yang mendadak. Perubahan ini merangkumi parti yang memerintah, pola undian masyarakat, pemimpin, sumbangan yang diberikan oleh wakil rakyat dan sebagainya. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji perubahan politik di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 *Politik Pilihan Raya di Luar Negara***

Menurut Russel (2002) dalam penulisannya yang bertajuk “*The decline of party identifications : Parties without partisans*”, beliau menyatakan bahawa salah satu faktor penting bagi pengukuhan sesebuah parti politik adalah sokongan dan minat dari orang awam. Kehebatan sesebuah parti politik tidak seharusnya diukur hanya dengan melihat aktiviti yang dijalankan oleh organisasi itu sahaja, tetapi perlu juga melihat objektif dan matlamat bagi aktiviti tersebut. Dengan adanya matlamat yang jelas dan baik, maka tarikan sesebuah parti politik akan lebih meluas seterusnya mampu meraih jumlah sokongan yang besar daripada ahli parti dan juga orang awam.

Mark & Jeffrey (2009) dalam penulisan mereka iaitu “*Dynamics of American Political Parties*”, mereka mengkaji mengenai perubahan dan pembentukan semula politik Amerika Syarikat yang telah banyak kali berlaku di negara tersebut. Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa untuk menjalani perubahan politik di sesebuah negara bukanlah perkara yang mudah kerana perubahan politik ini membawa kepada pelbagai cabaran yang besar. Antara cabaran yang perlu dilalui adalah proses pemilihan calon presiden yang terbaik, idea perubahan yang ingin dilaksanakan, konflik dalaman parti dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perjuangan kepimpinan baru tetap perlu diteruskan agar polisi dan matlamat utama sesebuah parti yang berkuasa dapat dilaksanakan untuk negara dan rakyat.

## 2.2 *Politik Pilihan Raya di Malaysia*

Kajian oleh Sulastry Yurni & Nidzam Sulaiman (2008) iaitu “Kedudukan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Malaysia: Berakhirnya Era Hegemoni”, mereka mendapati bahawa parti kerajaan iaitu Parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional telah muncul sebagai parti yang dominan sejak pilihan raya tahun 1952 sehingga Pilihan Raya Umum 2008. Didapati bahawa parti ini berjaya meneruskan dominasi ini sepanjang 50 tahun pemerintahan atas faktor konsep hegemoni yang tersulam rapi dalam budaya politik. Konsep ini digunakan sebagai salah satu usaha pengekalan status quo oleh pemerintah. Namun begitu, dominasi parti tersebut kian terhakis pada Pilihan Raya Umum ke-12 kerana konsep hegemoni sudah mula dicabar dan berkurangan dalam pemerintahan Malaysia.

Kajian oleh Junaidi (2019) iaitu “Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia”, beliau menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 merupakan suatu keputusan yang dilihat sebagai ‘luar biasa’. Hal ini kerana parti pakatan pembangkang tersebut telah berjaya meranapkan penguasaan Barisan Nasional (BN) terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu. Hasil kajian mendapati bahawa kemenangan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti tekad yang tinggi untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan juga faktor perang persepsi. Faktor-faktor ini akhirnya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU-14.

## 2.3 *Politik Pilihan Raya Negeri Selangor*

Berdasarkan kajian Shahurinain (2016) yang bertajuk “Keberkesanan Pemasaran Politik di Selangor dalam PRU 2013”, beliau menyatakan bahawa walaupun kedua-dua parti Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) menggunakan orientasi Market-Oriented Party (MOP) sebagai strategi pemasaran politik mereka dalam kempen pilihan raya yang ke-13, namun strategi MOP Pakatan Rakyat (PR) didapati lebih berkesan dari Barisan Nasional (BN). Hal ini disebabkan oleh aspek tawaran produk PR yang lebih baik, pemasaran produk PR yang lebih berkesan, strategi kempen PR yang lebih tersusun, rekod pemerintahan PR di Selangor yang cemerlang, dan komunikasi politik yang lebih terbuka dan dekat dengan aspirasi rakyat. Oleh itu jelas bahawa pemasaran politik penting bagi sesebuah parti politik bagi menarik sokongan dan minat pengundi.

Menurut Mahadee, Bassit & Mansor (2018) dalam kajian yang bertajuk “*Electoral Pattern Among The Malay Voters In Selangor In 14th General Election 2018*”, mereka mendapati bahawa munculnya gelombang arus politik perdana dalam kalangan pengundi Melayu negeri Selangor yang menyaksikan mereka telah beralih kepada Pakatan Harapan pada PRU-14 melebihi PRU-13 yang lalu. Senario ini menunjukkan perubahan corak pilihan raya antara pengundi Melayu yang selama ini telah menjadi tulang belakang UMNO dan Barisan Nasional sejak saban tahun. Hal ini menyaksikan Pakatan Harapan bukan sahaja berjaya mengambil alih kerajaan persekutuan malahan turut berjaya mengukuhkan politik mereka penguasaan di Selangor.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 *Tata cara pengumpulan data***

##### *3.1.1 Soal Selidik*

Soal selidik merupakan satu set soalan dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu set soalan yang dibentuk bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian (Shahrulnizam, 2017). Soalan yang telah dibina akan diedarkan dalam bentuk borang soal selidik yang kemudiannya akan diedarkan kepada responden. Responden yang dipilih adalah di kalangan golongan pengundi di zon DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan. Responden yang dipilih juga mempunyai latar belakang kaum, agama, umur, jantina serta penyokong parti politik yang berbeza. Borang soal selidik ini diberikan kepada responden yang sudi bekerjasama. Responden diberi masa beberapa minit untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sambil dipantau oleh penyelidik di lapangan. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu BAHAGIAN A merupakan demografi responden. Seterusnya, BAHAGIAN B sumber maklumat politik dan isu semasa responden. BAHAGIAN C pula menyoalkan tentang persepsi terhadap pemimpin dan parti politik. akhir sekali BAHAGIAN D menyoalkan tentang pengaruh perubahan politik terhadap pilihan politik responden. Responden yang diperlukan adalah seramai 50 orang. 25 orang responden merupakan penduduk bandar di Mukim Serendah, Hulu Selangor. Manakala 25 orang responden selebihnya merupakan penduduk kampung di Kampung Sungai buaya, Hulu Selangor. Tuntasnya, soal selidik merupakan kaedah utama dalam pengumpulan data bagi kajian ini kerana ianya berhubung terus dengan golongan pengundi di DUN Batang Kali.

##### *3.1.2 Pemerhatian di Lapangan*

Kaedah pemerhatian di lapangan merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk melihat sesuatu yang kurang diberi perhatian atau sudah dianggap biasa oleh individu yang diperhatikan. Pemerhatian kajian ini juga dilakukan untuk meneliti sesuatu yang tidak diperoleh melalui soal selidik dan temu bual kerana perkara itu mungkin dianggap sensitif. Selain itu, pengkaji juga dapat menyelami secara langsung apa yang dirasai oleh responden terhadap situasi semasa politik di kawasan kajian. Perkara yang diperhatikan dalam kaedah ini adalah seperti suasana atau persekitaran, manusia dan hubungannya, tingkah laku, kesan-kesan sejarah dan juga objek fizikal yang wujud. Perkara yang diperhatikan tersebut berkait rapat dan bergantung terhadap jenis tindakan serta situasi politik yang berlaku di kawasan kajian. Jika situasi politik di kawasan kajian dalam keadaan baik maka perkara yang diperhatikan juga dalam keadaan yang baik seperti masyarakat yang hidup harmoni, kemudahan awam yang lengkap dan terselenggara, kawasan perumahan yang selesa dan status ekonomi penduduk yang stabil.

##### *3.1.3 Rujukan Data Statistik Kaum Dan Score Sheet Keputusan PRU 2018*

Kaedah ini memudahkan pengkaji dalam mengenalpasti data serta menganalisis taburan undian mengikut kaum, jantina dan juga umur pengundi di kawasan kajian. Melalui data ini pengkaji berupaya menghuraikan pola undian di kawasan kajian. Selain itu, Score sheet keputusan PRU

2018 juga membantu pengkaji untuk mengenalpasti sejauhmana perbezaan sokongan pengundi terhadap parti politik yang menang dan juga parti politik yang tewas dalam PRU 2018 tersebut. Data yang diperoleh juga memaparkan statistik undian dari pelbagai DUN dan 1 Mukim di Daerah Hulu Selangor. Data statistik ini secara tidak langsung turut membantu dalam menghuraikan punca dan sebab dinamika politik berlaku di DUN Batang Kali.

### **3.2 Analisis data**


Data yang dikumpulkan melalui set soal selidik diproses dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS versi untuk mendapatkan keputusan daripada data yang diperoleh. Penggunaan perisian tersebut akan memudahkan pengkaji menganalisis dengan tepat data yang diperolehi disamping dapat menjimatkan masa. Data yang telah dianalisis dipaparkan dalam bentuk rajah, graf dan carta bagi memudahkan pemahaman hasil kajian tersebut. Keputusan hasil analisis data tersebut akan dihurai dan disimpulkan lagi dengan sokongan maklumat temu bual, data statistik serta maklumat sekunder. Maklumat-maklumat tambahan ini bertujuan untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian akademik dan ilmiah.

### **3.3 Kawasan kajian**

Negeri Selangor Darul Ehsan terletak di bahagian tengah Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Perak di sebelah utara, Pahang di sebelah timur dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Terletak di bahagian barat Banjaran Titiwangsa, Selangor dibahagikan kepada sembilan daerah yang terdiri dari Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Sejak dari peringkat awal penubuhannya, Negeri Selangor telah berkembang sebagai pusat perdagangan dan pengeluaran bijih timah di bawah pemerintahan Kesultanan Selangor. Kuala Selangor memainkan peranan penting ketika itu sebagai pelabuhan utama pengeksporan bijih timah kepada pedagang barat. Kini Selangor dikenali sebagai bandar yang terkehadapan dalam pelbagai bidang. Ia menjadi pusat perdagangan, kewangan, pembinaan, pengangkutan dan pembuatan yang menyumbang kepada pendapatan utama negara. Selangor turut menyumbang dalam sektor pertanian dan perikanan. Salah satu faktor yang menjadikan negeri ini sebagai pemangkin kemajuan negara adalah kerana pemusatan kegiatan ekonomi di Lembah Klang yang juga terletaknya Kuala Lumpur di tengah Negeri Selangor.

DUN Batang Kali pula terletak di dalam daerah Hulu Selangor. DUN Batang Kali merangkumi 11 kawasan Daerah Mengundi iaitu Bukit Rasa, Batang Kali, Hulu Kali, Kampung Padang, Hulu Yam Timur, Hulu Yam Barat, Serendah, Sungai Gapi, Sungai Choh Barat, Sungai Buaya dan juga Bukit Beruntung (Lihat Rajah 1). Pembangunan di DUN Batang Kali ini mula berkembang pesat dengan kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Ini berdasarkan pembangunan infrastruktur atau prasarana nya yang kian membangun sehingga kini.




RAJAH 1. Peta kawasan DUN Batang Kali, Selangor

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 *Persepsi Responden Terhadap Pemimpin Dan Parti Politik Di Kawasan Kajian*

###### 4.1.1 *Pandangan Terhadap Pemimpin Pada Masa Sekarang*

Dalam soal selidik mengenai pandangan pengundi terhadap pemimpin pada masa sekarang, empat jenis pilihan pandangan telah diberikan iaitu pemimpin pada masa sekarang mementingkan rakyat, pemimpin mementingkan diri sendiri, pemimpin mementingkan keduanya dan yang terakhir adalah pilihan tidak pasti. Oleh itu, pandangan pengundi mengenai kredibiliti pemimpin dapat dilihat serta dinilai melalui soalan dan jawapan tersebut.



RAJAH 2. Pandangan Terhadap pemimpin pada masa sekarang (peratus)

Sumber: Soal selidik 2020

Hasil soal selidik mendapati bahawa 44 peratus pengundi beranggapan bahawa pemimpin pada masa sekarang mementingkan kedua-duanya sekali iaitu rakyat serta diri sendiri (Lihat Rajah 2). Seterusnya 28 peratus pengundi beranggapan bahawa pemimpin pada masa sekarang mementingkan diri sendiri. Kemudian, 18 peratus pengundi pula beranggapan bahawa pemimpin pada masa sekarang mementingkan rakyat. Secara keseluruhannya boleh dikatakan hampir separuh daripada semua responden beranggapan bahawa pemimpin pada masa sekarang mementingkan rakyat dan diri sendiri. Hal ini berkemungkinan berlaku kerana terdapatnya pemimpin yang betul-betul komited dalam menjalankan amanah demi membantu rakyat terutama yang memerlukan. Namun begitu, masih juga wujud pemimpin yang kelihatan seperti hanya mengejar kuasa dan wang ringgit semata-mata serta mengabaikan kebajikan rakyat. Maka dengan itu, para pemimpin perlu berusaha meyakinkan rakyat agar terus percaya pada diri mereka dengan cara sentiasa peduli akan rakyat serta menyumbang kepada pembangunan negara.

#### 4.1.2 Pandangan Terhadap Parti Politik Pada Masa Sekarang

Subtopik ini membincangkan tentang pandangan responden dan pengundi terhadap parti politik pada masa sekarang. Antara pilihan jawapan yang disediakan bagi menilai pandangan terhadap parti politik pada masa sekarang adalah 'berada pada landasan yang betul', 'tidak berada pada landasan yang betul', dan juga 'tidak pasti'.

Hasil kajian, mendapati bahawa ramai responden iaitu sebanyak 66 peratus berpandangan yang parti politik pada masa sekarang tidak berada pada landasan yang betul. Seterusnya, hanya



8 peratus responden yang berpandangan bahawa parti politik pada masa sekarang berada di landasan yang betul. Selebihnya iaitu sebanyak 26 peratus responden tidak pasti terhadap keadaan parti politik pada masa sekarang.

Lebih ramai responden serta pengundi berpandangan bahawa parti politik pada masa sekarang tidak berada pada landasan yang betul kerana terlampau banyak isu dan masalah yang ditonjolkan oleh parti politik dalam dunia politik pada masa kini. Sebagai contoh, isu lompat parti, isu rasuah, isu fitnah dan politik kotor, serta banyak lagi isu lain. Perkara-perkara tersebut memaparkan kepada rakyat bahawa politik pada masa kini sangat kucar-kacir. Oleh itu, jelas mengapa ramai orang beranggapan bahawa parti politik tidak berada pada landasan yang betul pada masa sekarang.

## **4.2 Pengaruh Perubahan Politik Terhadap Pilihan Politik Responden Di Kawasan Kajian**

### *4.2.1 Pengaruh Perubahan Politik Di Kawasan Kajian Untuk Mengubah Pemimpin Dan Parti Pada PRU Akan Datang*

Di dalam subtopik ini, persoalan sama ada dinamika politik mempengaruhi ataupun tidak pegangan pengundi untuk mengubah pemimpin dan parti politik pada PRU akan datang diajukan kepada responden. Oleh itu, pilihan jawapan 'ya', 'tidak', dan 'tidak pasti' diberikan kepada para responden bagi menjawab persoalan tersebut.

Hasil kajian mendapati bahawa 64 peratus responden bersetuju bahawa perubahan politik mempengaruhi mereka untuk mengubah pemimpin dan parti politik pada PRU akan datang. Seterusnya, 24 peratus responden menyatakan bahawa perubahan politik tidak mempengaruhi mereka untuk mengubah pemimpin dan parti politik pada PRU akan datang. Selebihnya iaitu sebanyak 12 peratus responden berasa tidak pasti sama ada perubahan politik mempengaruhi atau tidak keputusan mereka untuk mengubah pemimpin serta parti politik pada PRU akan datang.


Kebanyakan responden menyatakan bahawa perubahan politik mempengaruhi mereka untuk mengubah pemimpin dan parti politik pada PRU akan datang kerana mereka beranggapan bahawa peluang telah diberikan kepada pemimpin dan parti politik tersebut. Maka, jika peluang itu gagal disempurnakan dengan baik, perubahan perlu dilakukan agar pemerintahan negara dapat berjalan dengan lancar dan berjaya.

### *4.2.2 Parti yang dijangkakan akan menang dalam Pilihan Raya Umum Akan Datang bagi DUN Batang Kali*

Hasil kajian mendapati bahawa 84 peratus responden menjangkakan bahawa Parti Perikatan Nasional (PN) yang akan memenangi PRU di kawasan DUN Batang Kali (Lihat Rajah 3). Selain itu, hanya 14 peratus responden yang menjangkakan bahawa Pakatan Harapan (PH) yang akan memenanginya. Seterusnya, hanya 2 peratus responden yang menjangkakan bahawa lain-lain parti seperti PAS dan BN yang akan menang dalam PRU akan datang di DUN Batang Kali.

Peratusan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden menjangkakan parti PN akan memenangi PRU di kawasan DUN Batang Kali. Hal ini berkemungkinan berlaku kerana pengaruh pimpinan PN yang semakin meluas meskipun parti tersebut baru sahaja ditubuhkan.

Selain itu, responden juga mungkin merasakan bahawa masyarakat di DUN Batang Kali mahukan perubahan dari segi pemimpin dan parti yang berkuasa agar kawasan tersebut lebih maju dan pesat membangun.



RAJAH 3. Parti yang dijangkakan akan menang dalam Pilihan Raya Umum Akan Datang bagi DUN Batang Kali (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2020

## 5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai kesimpulannya, perubahan politik yang berlaku di kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan mengundang persepsi yang pelbagai dari kalangan responden. Tahap kepercayaan responden terhadap pemimpin dan parti politik pada masa kini juga hanya berada di tahap sederhana. Selain itu, dinamika politik yang berlaku juga telah mendorong responden untuk mengubah serta memilih pemimpin serta parti politik yang lebih baik bagi mengisi tampuk pemerintahan di kawasan kajian pada masa akan datang.

## Rujukan

- Russel J. Dalton. (2002). The decline of party identifications. *Parties without partisans: Political change in advanced Industrial Democracies*. 1(2), 19-36.
- Mark D. Brewer, Jeffrey M. Stonecash. (2009). *Dynamics of American Political Parties*. London: Cambridge University Press.

- Sulastry Yurni Ahmad & Nidzam Sulaiman. (2008). Kedudukan Barisan Nasional dalam pilihan raya Malaysia: Berakhirnya era hegemoni. *Kertas kerja seminar politik Malaysia 2008*. Universiti Teknologi MARA, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). 28-30 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-229.
- Shahurinain Jais. (2016). Keberkesanan Pemasaran Politik Di Selangor Dalam Pru 2013. *E Bangi*, 13(5), 605-621.
- Mohd Mahadee Ismail, Ab. Bassit Husain & Mansor Mohd Noor. (2018). Electoral Pattern Among the Malay Voters in Selangor in 14th General Election 2018. *Artikel jurnal*,. 1-12.